

PEPERIKSAAN PRASPM 2013

1103/2(PP)

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Peraturan Pemarkahan  
Ogos

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

# NSKP 2013 SULIT

Markah penuh : 110 markah

## Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- |     |        |   |           |
|-----|--------|---|-----------|
| (a) | Isi    | - | 20 markah |
| (b) | Bahasa | - | 10 markah |

(a) Isi ( 20 markah)

### Nota

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup / Kesimpulan											2
	Jumlah Markah										20

Soalan 1: Rumusan

**Pendahuluan**

**Markah**

Petikan membincangkan **kebaikan/ kelebihan/ kepentingan/ manfaat/ kesan positif/ masalah** bersenam kepada orang ramai **dalam kehidupan mereka.** 2

Petikan membincangkan kebaikan/ kelebihan/ kepentingan/ manfaat/ kesan positif/ masalah bersenam kepada orang ramai. 1

**Isi Tersurat ( 4 hingga 12 markah)**

- S1. Berada kekal dalam keadaan cergas dan sihat 2
- S2. Kita akan menjadi lebih segar dan tidak mengantuk 2
- S3. Jantung akan lebih kuat 2
- S4. Dapat menjadikan seseorang sentiasa gembira dan dalam keadaan tenang 2
- S5. Mampu meningkatkan proses pembelajaran 2
- S6. Kelihatan hebat dan berkeyakinan 2
- S7. Mampu menangani masalah kemurungan 2
- S8. Membantu mengawal berat badan yang berlebihan 2
- S9. Jangka hayat lebih panjang 2

**Isi Tersirat ( 4 hingga 12 markah)**

- T1. Tidak ada masa / sibuk dengan tugas seharian 2
- T2. Tidak mempunyai tempat / ruang untuk bersenam 2
- T3. Letih / penat 2
- T4. Ada penyakit kritikal / berbahaya 2
- T5. Tidak mempunyai peralatan senaman 2
- T6. Tiada kesedaran / tiada motivasi 2
- T7. Bimbang mendapat kecederaan. 2

**Penutup**

Kesimpulannya, semua orang perlulah *bersenam* **agar** kesihatan diri dapat dikekalkan. 2

Kesimpulannya semua orang perlulah bersenam 1

(b) Bahasa [10 markah]

## NSKP 2013 SULIT

Asas pemberian markah tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20	9 - 10	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan isi baik</li><li>• Struktur ayat / tatabahasa baik</li><li>• Kosa kata luas</li><li>• Tanda bacaan / ejaan betul</li></ul>
	15 - 17	7 - 9	
Sederhana	12 – 14	6 – 7	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesenambungan isi masih baik</li><li>• Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan</li><li>• Kosa kata masih memuaskan</li><li>• Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan</li></ul>
	8 – 11	4 - 6	
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan</li></ul>

### Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[ Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

### Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : **9** markah

Soalan 2 (b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

## NSKP 2013 SULIT

*Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan (2d)*

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan **separuh ( 50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	<b>2</b>
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	<b>1</b>
- Jawapan tidak tepat/ salah	<b>0</b>

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	<b>3</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	<b>2</b>
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	<b>1</b>
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	<b>0</b>

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	<b>4</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	<b>3</b>
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	<b>2</b>
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	<b>1</b>
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	<b>0</b>

### Soalan 2 (a) - Pemahaman Petikan

**Markah**

- (i) Maksud rangkai kata *strategi yang berkesan*:

- Cara /Usaha/Kaedah /Teknik yang menimbulkan hasil yang diharapkan 2
- Cara/Usaha/Kaedah Teknik yang meninggalkan bekas/tanda/ impak yang diharapkan 2
- Cara/Usaha/Kaedah /Teknik yang efektif 2
- Kaedah yang baik 1

**[maksimum : 3 markah]**

- (ii) Ciri-cirinya ( isi cukup – **2 ciri**)

## NSKP 2013 SULIT

P1 : Kebolehan melakukan tugas harian	1
P2 : Mereka jarang sakit	1
P3 : Tidak kerap mendapatkan rawatan perubatan	1

[maksimum : 3 markah]

(iii) Cara-cara yang boleh dilakukan untuk menggalakkan seseorang bersenam-(isi cukup- **3 Cara**)

- P1: Kempen /Iklan/kebaikan bersenam
- P2: Mewajibkan aktiviti sukan/ PJK di sekolah / pertandingan/Dasar 1M1S
- P3: Mengadakan aktiviti di kawasan tempat tinggal/kampung/ taman
- P4: Melantik jurulatih yang berkaliber di sekolah
- P5: Menirikan tempat/ dewan /pusat untuk aktiviti bersenam/ prasarana/ kemudahan bersenam
- P6: Ibu bapa mengajak anak-anak bersenam

*Senam aerobik :0 Markah ( Isi dalam petikan)*

[maksimum 4 markah]

### Soalan 2 ( b ) : Petikan Cerpen

Markah

(i) Beberapa perlakuan Israk yang memperlihatkan bahawa dia tidak selesa tinggal di rumah Wah ialah : (isi cukup: **3 perlakuan**)

P1 : Merungut	1
P2 : Mencebik	1
P3 : Meninggikan suara	1
P4 : Berjalan mundur-mandir	1
P4 : Mengetap bibir	1

[ maksimum 3 markah ]

(i) Warga tua seperti Wah perlu dihormati kerana (isi cukup: **2 sebab**)

### NSKP 2013 SULIT

P1 : Beliau telah lama hidup dan mempunyai banyak pengalaman.	1
P2 : Segala nasihat dan tunjuk ajar adalah bersandarkan pengetahuan dan pengalaman hidupnya.	1
P3 : Sudah mengalami pelbagai peristiwa suka dan duka dalam hidup.	1
P4 : Tahu menilai baik dan buruk sesuatu perkara.	1
P5 : Mempunyai ilmu pengetahuan yang luas.	1
P6 : Mempunyai pelbagai kemahiran hidup.	1
<b>[ maksimum 3 markah ]</b>	

(ii) Satu nilai yang terdapat dalam petikan : (isi cukup :**1 nilai** )

P1 : Nilai keberanian. Keberanian Mikraj menegur abangnya Israk yang tidak menghormati Wah neneknya.	1
P2 : Nilai kesabaran Mikraj sabar dengan perlakuan abangnya Israk yang tidak menjaga perasaan Wah.	1
P3 :Nilai kesyukuran Israk sewajarnya bersyukur dengan apa yang ada di kampung kerana bapanya berasal dari kampung.	1
<b>[ 1 markah ]</b>	

Dua nilai lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen : (isi cukup : **2 nilai**)      **Markah**

P1 : Nilai kasih sayang Wah sangat menyayangi cucu-cucunya buktinya dia sanggup menggadaikan nyawanya untuk menyelamatkan cucunya Israk yang hanyut di sungai.	1
P2 : Nilai keinsafan Israk insaf dengan segala perbuatannya yang sering menyakiti hati Wah, Dia mula berubah menjadi orang yang lebih baik.	1
P3 : Nilai ketabahan Wah tabah membesarkan anaknya Adam seorang diri tanpa suami di sisi.	1

## NSKP 2013 SULIT

P4 : Nilai keprihatinan

Mikraj sangat prihatin dengan perasaan Wah yang selalu tergores hatinya akibat perbuatan Israk yang biadap terhadap neneknya.

1

[ maksimum 2 markah ]

Soalan 2 ( c ) : Petikan Prosa Klasik

Markah

(i) Maksud rangkai kata *dikarang dengan cemerlang* ialah :

P1 : Digubah dengan begitu elok / indah sekali.

2

P2 : Disusun dalam keadaan yang menarik.

1

[ maksimum 2 markah ]

(ii) Beberapa keistimewaan yang dimiliki oleh nuri ialah :(( Isi cukup: **2 keistimewaan**)

P1 : Pandai berpantun

1

P2 : Boleh memberitahu di mana Raja Indera Bumaya kepada tuan puteri.

1

P3 : Boleh menunjukkan rupa Raja Indera Bumaya kepada tuan puteri.

1

P4 : Bertukar menjadi bunga.

1

[ maksimum 3 markah ]



## NSKP 2013 SULIT

### (iii) Wajar ( isi cukup: 2 sebab)

- |   |   |
|---|---|
| P1 : Kerana keselamatan dirinya lebih terjamin.                         | 1 |
| P2 : Untuk mengaburi mata pihak musuh.                                  | 1 |
| P3 : Untuk menyelidiki sesuatu perkara tanpa diketahui oleh orang lain. | 1 |
| P4 : Untuk memperdaya pihak musuh.                                      | 1 |
| P5 : Untuk memikat hati orang lain.                                     | 1 |

### Tidak wajar ( isi cukup: 2 sebab)

- |   |   |
|---|---|
| P1 : Kerana tidak ikhlas atau menipu.                     | 1 |
| P2 : Akan membahayakan diri sendiri.                      | 1 |
| P3 : Akan hilang kepercayaan orang lain terhadap kita.    | 1 |
| P4 : Mudah untuk kita terpengaruh dengan perkara negatif. | 1 |
| P5 : Akan dianggap oleh orang lain sebagai pengecut.      | 1 |

[ maksimum 3 markah ]

Soalan 2 ( d ) : Puisi

Markah

### (i) Antara sikap malas yang dimiliki oleh si Luncai ialah : ( isi cukup: 3 sikap)

- |   |   |
|---|---|
| P1 : Tidak menjaga atau membersihkan rumah.         | 1 |
| P2 : Tidak melatih atau mendidik anak.              | 1 |
| P3 : Tidak membela atau memelihara haiwan ternakan. | 1 |
| P4 : Tidak menanam atau mengusahakan kebun.         | 1 |

[ maksimum 3 markah ]

### (ii) Pada pendapat saya, antara kaedah yang sesuai untuk mengekang masalah binatang ternakan berkeliaran di jalan raya ialah : ( isi cukup : 2 kaedah)

- |  |   |
|--|---|
| P1 : Pihak berkuasa memberi nasihat kepada pemilik ternakan.   | 1 |
| P2 : Pihak berkuasa mengarahkan pemilik menambat atau mengurung ternakan mereka.                                     | 1 |
| P3 : Pihak berkuasa menangkap ternakan yang berkeliaran.   | 1 |
| P4 : Pihak berkuasa mengenakan denda yang tinggi kepada pemilik ternakan.  | 1 |
| P5 : Pihak berkuasa mendakwa pemilik ternakan di mahkamah sekiranya berlaku kemalangan melibatkan binatang ternakan. | 1 |

[ maksimum 3 markah ]

## NSKP 2013 SULIT

(iii) Antara pengajaran yang terdapat dalam seloka tersebut ialah : (isi cukup : **3 pengajaran**)

P1 : Kita hendaklah melatih dan mendidik anak-anak supaya mereka dapat berdikari..	1
P2 : Kita haruslah menggunakan akal fikiran ke arah perkara yang bermanfaat supaya dapat menjana kejayaan yang cemerlang.	1
P3 : Kita hendaklah rajin menuntut ilmu agar kita tidak ketinggalan.	1
P4 : Kita hendaklah sentiasa mengkaji dan membuat penyelidikan terhadap sesuatu perkara agar sebarang masalah dapat ditangani.	1
P5 : Kita hendaklah menghargai apa yang ada pada diri kita sebelum terlambat supaya kita tidak ditindas oleh orang lain.	1
P6 : Kita hendaklah menggunakan kekuatan yang ada pada kita ke arah kebaikan agar kehidupan kita lebih terjamin.	1

[ maksimum 3 markah ]

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : 6 markah
- Soalan 3(b) : 6 markah
- Soalan 3(c) : 6 markah
- Soalan 3(d) : 6 markah
- Soalan 3(e) : 6 markah

#### Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas , tolak ½ markah bagi ayat itu.

#### Jawapan 3(a)

## NSKP 2013 SULIT

### 3(a) Membina ayat

- |       |               |   |
|-------|---------------|---|
| (i)   | ambil alih    | : menggantikan orang atau pihak lain mengendalikan (menguasai dsb) sesuatu  |
| (ii)  | daya usaha    | : kegiatan (usaha) untuk memelopori sesuatu   |
| (iii) | campur tangan | : a) mengambil bahagian dalam atau memasuki hal orang (kejahatan dll)<br>b) terkait atau terlibat dalam hal orang dll |
| (iv)  | lipat ganda   | : diganda-gandakan (menjadi banyak)   |
| (v)   | ramah mesra   | : sangat karib (pergaulan)  |
| (vi)  | luar biasa    | : berlainan daripada biasa  |

[Maksimum: 6 markah]

### 3(b) Menukarkan ayat cakap ajuk kepada ayat cakap pindah

Perhatian untuk Soalan 3(b)

- Jawapan boleh ditulis sama ada mengikut urutan atau ditulis dalam satu perenggan.
- Berikan markah secara “impression”

Baik	5 - 6
Sederhana	3 - 4
Lemah	1 - 2
- Sekiranya terdapat calon yang banyak melakukan kesalahan tatabahasa,  $\frac{1}{2}$  markah ditolak daripada markah keseluruhan.

### Jawapan 3(b)

Emak meminta Maria mengambil bubur kacang di dapur. Maria ingin tahu orang yang memasak bubur tersebut. Emak memaklumkan bahawa bubur tersebut dimasak oleh kakak Maria pada tengah hari tadi. Emak kemudian meminta Maria menghidangkannya di atas meja untuk minum petang bersama-sama ayah Maria. Maria menuruti suruhan emak sambil memuji dengan mengatakan bubur kacang yang dimasak oleh kakak tentu sedap rasanya, tambahan pula dia sedang lapar. Emak mengiakan kata-kata Maria dengan mengatakan bahawa kakak telah membubuh durian yang dibeli oleh ayah Maria semalam. Maria mempelawa ayah dan emaknya minum petang kerana dia telah siap menghidangkan bubur kacang di atas meja.

[Maksimum: 6 markah]

### 3(c) Kesalahan ejaan dan imbuhan

#### Ejaan

**NSKP 2013 SULIT**

- (i) akademi : akademik  
(ii) tumbuh : tumbuh  
(iii) menggembeleng : menggembleng

**Imbuhan**

- (i) menandatangani : menandatangani  
(ii) ambil : mengambil  
(iii) penghidupan : kehidupan

[Maksimum: 6 markah]

**3(d) Kesalahan penggunaan kata atau istilah**

- (i) tercegat : terpaku/terdiam  
(ii) Perjanjian Pelanggan : Piagam Pelanggan  
(iii) berbagai-bagai : majmuk

**Kesalahan tatabahasa**

- (i) di dalam : dalam  
(ii) antara usaha-usaha : antara usaha  
(iii) dengan : atau

[Maksimum: 6 markah]

**3(d) Peribahasa****Jawapan**

- (i) Air dicencang tak akan putus/Biduk lalu kiambang bertaut  
(ii) Guntung dalam lipatan/musuh dalam selimut  
(iii) Menepuk air di dulang terpercik ke muka sendiri/Meludah ke langit jatuh ke muka sendiri

**Soalan 4**

**Markah penuh 15 markah**

Panduan pemarkahan bagi soalan 4

- 4 (a) i) Jawapan mesti berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- iii) Jawapan mesti meliputi pernyataan dan huraian.
- iv) Berikan 1 markah untuk pernyataan( peristiwa negatif ) dan 1 markah untuk huraian yang lengkap dan jelas.
- v) Berikan 0 markah untuk huraian yang tidak lengkap /tidak jelas.
- vi) Huraian tanpa pernyataan 0 markah.
- vii) Markah bagi 2 isi yang lengkap dengan huraian – maksimum 4 markah.
- viii) Maksimum markah bahasa 3 markah.
- ix) Markah bahasa diberi secara impression seperti berikut :
- Baik : 3 markah
  - Sederhana : 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- x) Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah,markah bahasa 1 markah.
- xi) Jika calon tidak menjawab,markah isi 0 markah dan tiada markah untuk bahasa.
- xii) Jika calon menjawab dalam bentuk poin,tolak 50% daripada markah keseluruhan.
- xiii) Tuliskan di bahagian bawah jawapan calon seperti berikut :

Contoh :

$$\begin{array}{r} \text{I} \quad = \quad 4 \\ \text{B} \quad = \quad 3 \\ \hline \quad \quad \quad 7 \text{ m} \end{array}$$

- 4 (b) i) Jawapan mesti berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- iii) Beri 1 markah untuk 1 isi ( watak sampingan ) dan 2 markah untuk 2 perwatakan bagi watak sampingan tersebut.
- iv) Isi dan huraian mestilah melibatkan dua buah novel. ( watak sampingan dalam dua buah novel yang dikaji.
- v) Isi ( watak sampingan ) tanpa huraian ( perwatakan ) – 1 markah.
- vi) Markah bagi 2 watak sampingan yang lengkap dengan huraian perwatakan - maksimum 6 markah.
- vii) Maksimum markah bahasa 2 markah. Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi.
- viii) Markah bahasa diberi secara impression seperti berikut :

Baik : 2 markah

Lemah : 1 markah

- ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, berikan 1 markah untuk bahasa.
- x) Calon tidak menjawab, 0 markah.
- xi) Jika calon menjawab dalam bentuk poin,tolak 50% daripada markah keseluruhan.
- xii) Tuliskan di bahagian bawah jawapan calon seperti berikut :

Contoh :

$$\begin{array}{r} \text{I} \quad = \quad 6 \\ \text{B} \quad = \quad 2 \\ \hline \qquad \qquad \qquad 8 \text{ m} \end{array}$$

[ maksimum : 8 markah ]

## NSKP 2013 SULIT

4 ( a ) Dua peristiwa negatif yang boleh dijadikan teladan.

i. Novel Papa...(akhirnya kau tewas jua ! ) karya Deana Yusof

<b>Peristiwa Negatif</b>	<b>Huraian</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Peristiwa pembuangan bayi.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Rasydan semasa bayi telah dibuang di tepi longkang besar oleh ibu kandungnya sendiri. Rasydan ialah anak hubungan luar nikah antara pensyarah UIA, Muaz Al-Khalibi dengan pengemas hotel warga Indonesia. Ibu Rasydan meletakkan bayi itu di tepi jalan bersebelahan longkang besar kerana malu anaknya tidak berbapa setelah Muaz Al-Khalibi pulang ke Jordan.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Cadangan menggugurkan kandungan.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Peristiwa Mak Cik Noraini yang menyarankan mama supaya menggugurkan kandungannya. Ini disebabkan mama pernah mengalami komplikasi sewaktu melahirkan Julia. Walaupun cadangan Mak Cik Noraini bertujuan untuk menyelamatkan nyawa mama tetapi perbuatan menggugurkan kandungan adalah dilarang oleh agama.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Menghalang persahabatan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Papa menghalang persahabatan Julia dengan Rasydan kerana Rasydan datang daripada keluarga yang tidak tahu asal-usulnya. Tambahan pula Rasydan dipelihara oleh Datuk Mustakim yang pernah melanggar ayahnya dahulu.</li></ul>

**NSKP 2013 SULIT**

ii. Novel Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain

<b>Peristiwa Negatif</b>	<b>Huraian</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menuduh Tanpa Usul Periksa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peristiwa Datin Salmah yang mencurigai kejujuran Hilmi. Dia mengesyaki dan menuduh Hilmi membuat “guna-guna” sehingga menyebabkan Hayati berubah sikap. Datin Salmah memberi amaran dan tidak membenarkan Hayati bercakap dengan Hilmi. Datin Salmah juga nekad untuk mencari jalan supaya Hilmi keluar dari rumahnya.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak Bertanggungjawab Kepada Isteri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peristiwa Datuk Johari meninggalkan isteri pertamanya, iaitu ibu Hilmi sebaik dikahwininya. Beliau juga tidak pernah mengetahui bahawa Hilmi ialah anak kandungnya sehinggalah diberitahu oleh Pak Karim. Datuk Johari telah melupakan tanggungjawabnya sebagai suami dan bapa.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghina Orang Miskin dan Orang Yang Tidak Berpengetahuan Tinggi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Datin Salmah menghina Hilmi yang miskin dan tidak berpelajaran tinggi. Hilmi dilayan sebagai tukang kebun sedangkan Hilmi ialah anak saudara kepada Datuk Johari. Malah Hilmi sering dimarahi oleh Datin Salmah dan dipandang rendah oleh Datin Salmah.</li> </ul>

4 ( b ) Perwatakan satu watak sampingan

i. Novel Papa...(akhirnya kau tewas jua ! ) karya Deana Yusof

<b>Watak Sampingan</b>	<b>Perwatakan</b>
------------------------	-------------------



**NSKP 2013 SULIT**

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jeffri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seorang yang tabah. Sebagai contohnya Jeffri tabah menerima ketentuan Tuhan apabila isterinya, Intan Marlina koma dan kedua-dua bayi kembarnya meninggal dunia.</li> <li>• Seorang ayah yang bertanggungjawab. Sebagai contohnya Jeffri mengambil alih tugas menjaga Intan Julia selepas isterinya koma.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mak Cik Noraini</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seorang yang rajin. Sebagai contohnya Mak Cik Noraini menguruskan makan minum keluarga Julia semenjak Julia kecil lagi. Malah Mak Cik Norainilah yang banyak membantu menguruskan keluarga ini semenjak mama koma.</li> <li>• Seorang yang prihatin. Sebagai tamsilnya Mak Cik Noraini sangat risau apabila mengetahui mama mengandung lagi. Mak Cik Noraini takut sejarah lama berulang kembali sehinggakan Mak Cik Noraini meminta mama menggugurkan kandungannya demi keselamatan dirinya.</li> </ul>

## ii. Novel Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain

<b>Watak Sampingan</b>	<b>Perwatakan</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hayati</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seorang anak yang taat kepada kedua ibu bapa. Sebagai contohnya Hayati akur dengan larangan ibu bapanya, iaitu Datuk Johari dan Datin Salmah agar tidak berkawan dengan Hilmi.</li> <li>• Seorang yang berani. Sebagai tamsilnya Hayati sanggup menerima tanggungjawab daripada Ketua Pebgarah RTM untuk mengetuai orkestra diraja menggantikan tempat Hilmi yang sedang sakit.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Encik Bakar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seorang yang ikhlas. Encik Bakar sanggup mengajar Hilmi dalam bidang muzik tanpa meminta sebarang bayaran kerana bakat Hilmi sangat menyerlah dalam bidang ini.</li> <li>• Seorang yang baik hati. Hilmi ialah menantu kepada Encik Bakar. Walaupun Hilmi sudah bercerai dengan anaknya Azizah tetapi hubungan Hilmi dengan Encik Bakar masih tetap baik.</li> </ul>

Mana-mana jawapan yang relevan juga boleh diterima.